

UMS, syarikat tempatan tandatangani MoU kajian keluarkan tayar jenama tempatan

NST 6.12.2018 S

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah syarikat tempatan Hoyu Recycling Retreading Sdn Bhd bagi tujuan membuat kajian untuk mengeluarkan tayar berjenama tempatan di negeri ini.

UMS diwakili oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan UMS Prof Dr Abdul Karim Mirasa dan syarikat berkenaan diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Simon Tu.

Upacara menandatangani MoU itu turut disaksikan Menteri Perdagangan dan Perindustrian negeri Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Madius

berkata ini MoU berkenaan merupakan satu perkembangan positif terhadap perkembangan industri berdasarkan jenama tempatan di Sabah.

"Perjanjian ini adalah satu kerjasama yang akan dilaksanakan selama lima tahun...dan saya difahamkan kerjasama UMS dan syarikat berkenaan bermula pada Januari tahun depan dengan memulakan dengan membuat proses mencelup tayar terpakai.

"UMS akan membuat kajian terlebih dahulu dan kita jangkakan dalam suku ketiga tahun ini mereka akan mengeluarkan tayar baharu jenama tempatan yang akan dibuat di China," katanya.

Madius berkata apabila mencapai sasaran pengeluaran, kementeriannya akan bekerjasama untuk mewujudkan satu

kiland membuat tayar di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).

"Kita jangkakan kilang itu dapat diwujudkan pada 2020... dengan adanya kilang itu, syarikat berkenaan akan menggunakan getah yang dibeli daripada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) iaitu kira-kira 10 tan sebulan," katanya.

Sementara itu, Junz berkata berjanjian UMS dan syarikat berkenaan merupakan salah satu inisiatif yang mampu menyumbang harga getah di negeri ini.

"Kita yakin usaha ini dapat memberi manfaat kepada penoreh getah di Sabah dan kita sangat alu-alukan usaha ini kerana kementerian saya kini juga sedang berusaha menyumbang harga (getah) ini Sabah," katanya.- Bernama